

Ruj. Fail : MBSJ.KHP.100-6/1/1()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 1 TAHUN 2021**

Tarikh : 27 Januari 2021 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi – 11.45 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Aras 2, Ibu Pejabat,
Majlis Perbandaran Subang Jaya

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Setiausaha Majlis Bandaraya Subang Jaya.

2.0 TAYANGAN AKTIVITI BULAN JANUARI 2021

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Januari 2021.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang pertama bagi tahun 2021. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- ii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- iii) Datuk Bandar mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana di atas limpah dan kurnia-Nya jua segala dugaan, suka duka dan cabaran sepanjang tahun 2020 berjaya diharungi serta diberi kesempatan untuk melangkah ke gerbang Tahun Baharu 2021. Beliau mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Majlis dan seluruh warga kerja MBSJ di atas

sumbangan, komitmen dan kerja keras berpasukan dalam melaksanakan tugas, tanggungjawab dan amanah sepanjang tahun 2020.

Tahun 2021 ini akan menyaksikan pelbagai cabaran yang terpaksa dilalui seluruh rakyat di negara ini. Fenomena Covid 19 masih perlu dihadapi dan menampakkan peningkatan yang ketara sehingga memaksa PKP dilaksanakan semula di beberapa buah Negeri sehingga 4 Februari 2021. Musibah ini bakal mengajar semua insan erti ketabahan, kesabaran dan semangat bersatu hati di kalangan rakyat pelbagai lapisan masyarakat.

Dalam menangani cabaran tahun baharu ini, penetapan segala perancangan perlu dibuat dengan jelas. Sebagai organisasi yang berteraskan perkhidmatan, Majlis perlu sentiasa prihatin dan peka terhadap keperluan dan ekspektasi penduduk. Layanan dan perkhidmatan yang diberi kepada pelanggan Majlis haruslah yang terbaik dan secara langsung akan mencerminkan kualiti, ketelusan dan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis secara keseluruhannya.

- iv) Datuk Bandar berkongsi informasi berkenaan fokus belanjawan Majlis bagi tahun 2021. Pada tahun ini, Majlis Bandaraya Subang Jaya akan memastikan belanjawan yang diperuntukkan digunakan dengan penuh cermat, berhemah dan berintegriti. Majlis akan terus memperkasakan penyampaian perkhidmatan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan

berada di tahap optimum dengan memberi penekanan kepada semua aspek perkhidmatan yang ditawarkan oleh Majlis.

Anggaran Hasil bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM 278,226,160 dan anggaran Perbelanjaan adalah sebanyak RM 297,675,410. Terdapat peningkatan anggaran Hasil pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 iaitu peningkatan berjumlah RM21,675,660 dengan kenaikan sebanyak 8%.

Terdapat peningkatan anggaran Perbelanjaan pada tahun 2021 berbanding tahun 2020 iaitu peningkatan berjumlah RM22,271,980 dengan kenaikan sebanyak 8%. Anggaran perbelanjaan Mengurus adalah meliputi 66% dan perbelanjaan Pembangunan adalah 33% serta anggaran pembayaran balik pinjaman adalah 1% daripada keseluruhan anggaran perbelanjaan.

Bajet pada tahun ini merupakan Bajet Defisit dengan jumlah (RM19,449,250). MBSJ telah merangka projek-projek pembangunan yang akan memberi banyak manfaat dan faedah kepada penduduk pada tahun ini.

MBSJ juga telah berjaya meningkatkan jumlah rezab tunai Majlis dengan peningkatan sebanyak RM 24.2 juta berbanding tahun 2019. Rezab tunai Majlis bagi tahun 2020 adalah sebanyak RM 81.9 Juta.

- v) Datuk Bandar turut memaklumkan data berkaitan kes demam denggi di kawasan pentadbiraan MBSJ. Sehingga 23 Januari 2021 terdapat sebanyak 174 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. Pada Minggu Epid 3 iaitu dari 17 hingga 23 Januari 2021 lokaliti *hotspots* denggi adalah di kawasan PJS 9/2 hingga PJS 9/30, Taman Sg Besi Indah 1 (Jalan SB Indah 1/2 hingga 1/9) dan USJ 11/4. Majlis menyeru masyarakat agar memastikan kawasan premis dan persekitaran masing-masing bebas dari tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan meluangkan masa sekurang-kurangnya 10 minit seminggu sekali untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk Aedes.
- vi) Maklumat mengenai kes covid-19 turut dikongsi dan sehingga 24 Januari 2021 terdapat sebanyak 183,801 kes positif dilaporkan di seluruh Malaysia dengan sebanyak 678 kematian manakala di Negeri Selangor terdapat 54,334 kes positif Covid 19 telah dilaporkan. Masyarakat dinasihatkan agar mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S (Sesak, Sempit, Sembang Dekat) dan mengamalkan 3W iaitu (Wash, Wear, Warn).
- Sejak 18 Januari 2021, Pejabat Kesihatan Daerah Petaling (PKD) telah menggunakan Dewan Serbaguna MBSJ sebagai Pusat Penilaian Covid 19 (*Covid 19 Assessment Center (CAC)*). Tujuan CAC diwujudkan adalah untuk :
- i. Membuat penilaian kepada pesakit Covid 19 yang tiada gejala atau stabil;

- ii. Melihat kes mengikut temujanji yang diberi oleh pihak PKD Petaling sahaja;
- iii. Antara skop penilaian adalah menentukan kesesuaian kuarantin di rumah dan penilaian dan pelepasan kepada kes positif yang melebihi 10 hari.

Bagi mengurangkan penularan Covid 19 di kalangan kakitangan MBSJ, Pengurusan telah melaksanakan beberapa inisiatif sebagai langkah pencegahan seperti yang berikut:

- i. Mewujudkan Bilik Gerakan Covid 19 (*War Room Covid 19*) bertujuan untuk penyenaian, penyiasatan dan penilaian kes serta mengambil langkah-langkah sewajarnya;
 - ii. Menyenaikan dan mengarahkan kakitangan yang mempunyai kontak dengan pesakit kes Covid 19 untuk menjalani ujian calitan hidung (swab test) Covid 19 di fasiliti kesihatan swasta atau kerajaan yang dilantik;
 - iii. Menjalankan aktiviti disinfeksi di premis dan kenderaan di bawah jagaan MBSJ secara harian atau mingguan dan
 - iv. Memberi taklimat kesedaran Covid 19 kepada kakitangan MBSJ mengikut Jabatan melalui kaedah Zoom Meeting.
- vii) Datuk Bandar memaklumkan berkenaan Pusat Penjaja Dataran Puchong Permai. MBSJ telah melaksanakan inisiatif bagi menempatkan semula penjaja-penjaja di sekitar kawasan Puchong Permai secara sistematik dan berpusat di Dataran Puchong Permai. Dataran ini dilengkapi dengan struktur berbumbung, kemudahan taman permainan kanak-kanak serta tempat letak

kereta yang luas bagi kemudahan dan keselesaan peniaga serta pengunjung. Pusat Penjaja Dataran Puchong Permai ini boleh memuatkan 64 lot tapak penjaja bersaiz 10X10 kaki (setiap satu lot) yang telah sedia untuk digunakan.

Majlis Pembukaan Pusat Penjaja Dataran Puchong Permai telah diadakan pada 17hb Januari 2021 (Ahad). Turut diadakan adalah serahan tajaan kios dan penyerahan inisiatif bantuan usahawan kepada peniaga terlibat bernilai RM 4,800.00 oleh YB Puan Dr. Siti Mariah Binti Mahmud, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga merangkap ADUN Seri Serdang .

Seramai 12 penjaja telah mula memasuki ruang niaga dan mereka terdiri daripada penjaja dari bulatan Puchong Permai, penjaja kumpulan B40 iaitu daripada penduduk pangsapuri angkat MBSJ.

Sesi temuduga untuk kemasukan baharu bagi penjaja yang belum mempunyai permit telah diadakan pada 26 Januari 2021 (Selasa), jam 9.00 pagi sehingga 12.00 tengahari bertempat di Dewan Puchong Indah. Keutamaan akan diberikan kepada penjaja di kawasan sekitar Puchong Permai.

- viii) Di kesempatan ini juga, Datuk Bandar mengucapkan selamat menyambut Perayaan Thaipusam dan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua warga kerja dan penduduk di pentadbiran MBSJ yang merayakannya. Dalam keseronokan meraikan perayaan

namun jangan sesekali alpa dan leka. Amalan penjagaan kebersihan dan keselamatan diri perlu dilaksanakan dengan mengamalkan norma baharu serta mengikut SOP yang telah ditetapkan.

- ix) Datuk Bandar mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 3/2020

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2020 bertarikh 23 Disember 2020 (Rabu) disahkan tanpa sebarang pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 3/2020

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 3/2020 bertarikh 23 Disember 2020 (Rabu) disahkan dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 6.6 & m/s 4	Encik Yap Kok Weng	Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat	Beliau memaklumkan bahawa Jabatan masih belum membentangkan berkenaan dasar caruman kubur dan caruman

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
			(OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.22/2020 bertarikh 16 Disember 2020	sekolah. Beliau ingin mengetahui sasaran tarikh pembentangan tersebut akan dilaksanakan. Keputusan Mesyuarat : Datuk Bandar memaklumkan bahawa penyediaan sesuatu dasar akan mengambil masa kerana memerlukan kajian dan pemerhatian dilaksanakan. Jabatan Perancangan Bandar diminta membentangkan laporan kemajuan penyediaan dasar caruman kubur dan caruman sekolah dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				Bandaraya Subang Jaya akan datang. Tindakan : Jabatan Perancangan Bandar

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 1/2021 bertarikh 19 Januari 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan dan Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2021 bertarikh 19 Januari 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan / pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 2.1 & m/s 4	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Pembentangan oleh Sunway Travel Sdn. Bhd.	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan perkara ini. Beliau mencadangkan perkara berikut :</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Menetapkan dasar kepada pemilik hotel di kawasan pentadbiran MBSJ berkenaan pakej pelancongan di kawasan MBSJ. ii) Mewujudkan identiti khas bagi mempromosikan MBSJ seperti lagu, mascot dan lain-lain.
		Encik Yap Kok Weng		Beliau memaklumkan terdapat industri sarang burung (bird nest) di kawasan Bandar Puteri dan Seri Kembangan dan memohon industri ini dimasukkan dalam

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
		<p>Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim</p>		<p>senarai lokasi pelancongan kawasan MBSJ untuk tujuan promosi.</p> <p>Beliau memaklumkan bahawa Majlis Perwakilan Penduduk telah menyerahkan produk pelancongan yang terdapat di kawasan MPP. Beliau memohon produk pelancongan tersebut dimasukkan dalam senarai lokasi pelancongan MBSJ.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar memaklumkan bahawa penilaian Sistem Star Rating daripada KPKT mempersoalkan tentang jumlah peruntukan yang</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>dikhaskan oleh PBT untuk tujuan pelancongan di kawasan PBT. Berdasarkan data bilangan pelancongan menunjukkan bilangan pelancong agak tinggi dan pelancongan di kawasan MBSJ terdiri daripada industri perhotelan, pusat beli belah, pusat rekreasi dan pusat konvensyen.</p> <p>Majlis merasakan terdapat peluang dan potensi untuk mengembangkan lagi pelancongan di kawasan MBSJ. Antara produk yang dicadangkan untuk diketengahkan ialah perkampungan orang asli Sungai Rasau Hilir dan Hutan Simpan Air Hitam</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>di Puchong. Sunway Travel Sdn. Bhd. Akan melaksanakan kerjasama / usahasama bersama Majlis dengan menawarkan pakej kepada pelancong yang menginap di hotel mereka.</p> <p>Dalam pengagihan sumber dana pelancongan, Majlis menekankan pengeluaran dana kepada lokasi yang kurang berkemampuan. Bagi syarikat yang menjalankan perniagaan secara komersial, cadangan <i>win-win situation</i> dengan mempromosikan syarikat menggunakan platform yang telah disediakan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>dan sedikit bayaran akan dikenakan kepada syarikat tersebut. Perkara ini perlu dibincangkan dan diperhalusi berkenaan strategi pemasaran berkenaan kaedah, penetapan standard dan lain-lain.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>
2.	Para 2.4 & m/s 9	Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Pembentangan oleh Petrogas Sdn. Bhd.	<p>Beliau ingin penjelasan berkenaan kos cadangan kebun komuniti yang dibentangkan oleh Petrogas Sdn. Bhd. Yang dilihat agak tinggi.</p> <p style="text-align: right;">Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar memaklumkan bahawa syarikat ini merupakan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>sebuah syarikat yang melaksanakan kaedah penanaman menggunakan fertigasi. Majlis telah mendapatkan tanah tapak sekolah yang terbiar di BK 4 daripada Pejabat Tanah dan Galian bagi melaksanakan kebun komuniti. Walau bagaimanapun, komuniti sekitar tidak mampu untuk mengambil lokasi tersebut di atas beberapa faktor. Bagi mengatasi masalah ini, Majlis telah memanggil syarikat yang melaksanakan kaedah fertigasi untuk mengemukakan cadangan. Walau bagaimanapun, cadangan yang</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>dikemukakan terpaksa ditolak kerana projek ini tidak memberikan pulangan manfaat kepada Majlis.</p> <p style="text-align: right;">Makluman</p>
3.	Para 2.4 & m/s 9	Encik Yap Kok Weng	Pembentangan oleh Petrogas Sdn. Bhd.	<p>Beliau memaklumkan bahawa terdapat cadangan penyewaan Kompleks Serdang Raya bagi cadangan melaksanakan pertanian dalam bangunan (<i>urban farming</i>) dalam bangunan. Beliau meminta Majlis mewujudkan satu dasar berkaitan pengeluaran lesen bagi permohonan pertanian di dalam bangunan.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>Datuk Bandar memaklumkan bahawa secara dasar, Majlis telah bersedia untuk menimbang permohonan lesen bagi pertanian dalam bangunan (<i>urban farming</i>). Mesyuarat sebulat suara bersetuju untuk menimbang permohonan lesen ini. Jabatan Pelesenan diminta mengambil tindakan selanjutnya.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.1/2021 bertarikh 20 Januari 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan / pindaan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
1.	Para 5.1.1 & m/s 4	Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Laporan Bulanan Jabatan Penguatkuasa Majlis Bandaraya Subang Jaya	Beliau meminta supaya minit mesyuarat dibuat tindakan pembetulan terhadap ayat 5.1.1 seperti yang berikut : Encik Ar. Kamarul Hisham bin Hj Yeop Hashim memaklumkan terdapat aktiviti menyimpan kenderaan terpakai dilakukan di dalam kawasan perumahan tersebut. Tindakan menampal notis telah dilakukan oleh Jabatan Penguatkuasa. Mohon tindakan tegas

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan / Cadangan
				<p>diambil bagi memastikan masalah ini tidak berulang.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Datuk Bandar meminta urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan melaksanakan pembetulan minit mesyuarat.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.1/2021 bertarikh 25 Januari 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

7.1 Kertas Makluman Pembentangan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Local Agenda 2030 Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 4/2020 (Kertas Mesyuarat Bil. 1/1/2021)

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan dibentangkan oleh Encik Hazman bin Mahayudin, Timbalan Pengarah Perancang Bandar MBSJ.

Intipati Pembentangan :

Local Agenda merupakan inisiatif yang terhasil daripada Persidangan Earth Summit di Rio de Janeiro (1992) yang menekankan peranan Pihak Berkuasa Tempatan dalam pembangunan mampan di peringkat tempatan. MBSJ telah membuat pengukuran pencapaian program yang dijalankan di bawah Local Agenda 2030 melalui indikator daripada pelan-pelan berikut :

- i) Pelan Tindakan Bandar Selamat;
- ii) Pelan Tindakan Bandar Hijau;
- iii) Pelan Tindakan Bandar Sejahtera;
- iv) Pelan Tindakan Bandar Sihat;
- v) Pelan Tindakan Bandar Pintar; dan
- vi) Pelan Tindakan Mesra Wanita

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan menerima pemakluman berkaitan Pembentangan Minit Mesyuarat Local Agenda 2030, Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 4/2020.

Makluman

7.2 Kertas Makluman Jawatankuasa dan Keanggotaan Ahli Majlis Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Serta Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Majlis Bandaraya Subang Jaya Bagi Sesi 1 Januari 2021 Sehingga 31 Disember 2022 (Kertas Mesyuarat Bil.2/1/2021)

Kertas kerja ini disediakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan dan dibentangkan oleh Setiausaha Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju dan menerima makluman berkaitan Jawatankuasa dan Keanggotaan Ahli Majlis Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Serta Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk Majlis Bandaraya Subang Jaya Bagi Sesi 1 Januari 2021 Sehingga 31 Disember 2022.

Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan

8.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.45 pagi.

Tarikh Disediakan : 29 Januari 2021

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Setiausaha

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(TPr. NORAINI BINTI ROSLAN), S.I.S., P.P.T

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR

- | | | | |
|-----|--|---|-------------------------|
| 1. | TPr. Puan Noraini binti Roslan, S.I.S., P.P.T
Datuk Bandar | - | Pengerusi |
| 2. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Datuk Bandar | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 4. | Encik M.Anbarasan A/L Murugesu | - | " |
| 5. | Tuan Ar.Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | - | " |
| 6. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 7. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 8. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 9. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 10. | Encik Mohd Syafiq bin Mohamad Norizan | - | " |
| 11. | Encik Mohamad Kamil bin Harun | - | " |

HADIR - DALAM TALIAN

- | | | | |
|-----|------------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Mehanathan a/l Embamurthi | - | ” |
| 3. | Encik Thamilarusu a/l Sandayan | - | ” |
| 4. | Puan Lee Jen Uyin | - | ” |
| 5. | Puan Ng Seow Chen | - | ” |
| 6. | Encik Thong Kim Fatt | - | ” |
| 7. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | ” |
| 8. | Encik Muhammad Khairil bin Khalid | - | ” |
| 9. | Encik Teh Eng Teck | - | ” |
| 10. | Puan Aniza binti Jamaludin | - | ” |
| 11. | Puan Nor Liyana binti Yahaya | - | ” |
| 12. | Encik Kenneth Sam A/L Samintahan | - | ” |
| 13. | Encik Jestin Raj Savarimuthu | - | ” |
| 14. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | ” |

HADIR (PEGAWAI MBSJ)- DALAM TALIAN

1. Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N , P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
2. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
3. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
4. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
5. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
6. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
7. Sr. Aida binti Omar, MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
8. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Puan Hjh Azura Binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
10. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
11. Encik Muhammad Azli Bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
12. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat

13. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N , P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam
14. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
15. Cik Rozdiana binti Mohd Rosmi
Pengarah, Jabatan OSC
16. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
17. Encik Afzarizal Bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
18. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
19. Puan Azlina Binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
20. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

TIDAK HADIR

1. Encik Jaafar bin Mat Akid,
Ahli Majlis
2. TPr.Haji Ismail bin Muhammad,A.I.S
Pengarah,Perancangan Bandar

URUS SETIA MESYUARAT

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan